

10 OCT 2001

LIMA-Cedera

TIGA LELAKI MELECUR AKIBAT LETUPAN DI PUSAT PAMERAN LIMA 01

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Seorang lelaki melecur teruk manakala dua lagi cedera apabila peralatan elektrik di stesen suis Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) tiba-tiba meletup hari ini.

Seorang pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkata mangsa yang agak kritikal itu melecur hampir 65 peratus badannya dan kini sedang menerima rawatan di Hospital Alor Setar bersama dua orang lagi rakannya yang cedera ringan.

"Pekerja itu sedang memasukkan satu alat untuk menyukat tenaga elektrik apabila tiba-tiba ia meletup," katanya kepada Bernama ketika ditemui di MIEC di sini.

Ketiga-tiga mangsa yang mengalami kecederaan itu kemudiannya dihantar ke hospital oleh anggota-anggota perubatan dan polis yang berada di MIEC sempena LIMA 01.

Kata pegawai TNB itu, memang kebiasaan bagi pekerja menyukat tenaga elektrik untuk mengetahui samada aliran elektrik di sesuatu kawasan itu mengalami "overloading" (lebih).

Beliau berkata mangsa kejadian itu bukan kakitangan TNB tetapi pekerja sebuah syarikat yang mengambil kontrak dari syarikat utiliti negara itu.

Kejadian yang berlaku pada pukul 2 petang ketika pameran LIMA 01 hendak disambung semula bagi sesi petang itu telah menyebabkan bekalan elektrik di MIEC terputus sementara sebelum berjaya dipulihkan kemudian.

Stesen suis itu diselubungi dengan asap hitam sebaik sahaja letupan itu berlaku.

Pameran bagi segmen udara pada LIMA 01 yang diadakan kali keenam sejak 1991 itu diadakan di MIEC manakala pameran bagi segmen maritim berlangsung di Tanjung Malai.

LIMA 01 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam akan berakhir pada Ahad depan.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang ditemui selepas itu berkata beliau amat sedih dengan kejadian yang disifatkannya sebagai sesuatu yang "luar biasa".

"Saya sedih dengan kejadian itu. Perkara itu adalah sesuatu yang luar biasa," katanya.

Beliau mendoakan ketiga-tiga mereka yang cedera itu akan menerima rawatan yang sebaik mungkin di hospital dan pulih seperti sediakala serta kembali bekerja.

-- BERNAMA

MHI MOZ